

## Isu dan Hala Tuju Pendidikan Ekonomi Universiti di Malaysia

MANSOR JUSOH  
JAMAL OTHMAN

### ABSTRAK

*Pendidikan ekonomi universiti di Malaysia perlu menangani secara seimbang tiga fungsi utama, iaitu fungsi kerjaya, fungsi kesarjanaan dan fungsi pengembangan minda. Petunjuk pasaran memberi gambaran bahawa disiplin ekonomi kurang berupaya memenuhi kesemua keperluan kerjaya dan perlu dilengkapkan dengan ilmu dan kemahiran daripada disiplin lain, khususnya kursus perniagaan dan teknik kuantitatif. Walaupun begitu, ekonomi harus dikekalkan sebagai satu program di universiti memandangkan wujudnya keperluan khusus untuk ilmu dan kemahiran ekonomi. Justeru, ketiga-tiga fungsi asas pendidikan ekonomi perlu diimbangi dan untuk itu, penelitian semula matlamat asas dan epistemologi ilmu ekonomi diperlukan. Diteliti daripada perspektif ini, pendidikan ekonomi seharusnya meningkatkan penerapan realiti setempat dengan mengambil kira realiti perubahan corak ekonomi global serta anjakan falsafah pembangunan ekonomi itu sendiri. Sebahagian teori ekonomi mungkin tidak sesuai untuk menghuraikan realiti setempat dan perubahan yang berlaku. Para pelajar perlu didedahkan kepada keterbatasan teori serta kaedah pengaplikasiannya. Dengan cara ini lulusan ekonomi diharapkan akan lebih berupaya untuk menghayati kekuatan dan kelemahan kaedah ekonomi di samping meningkatkan kefahaman mereka tentang realiti ekonomi Malaysia.*

*Kata kunci:* pendidikan ekonomi, fungsi kesarjanaan, epistemologi ekonomi, perubahan paradigma pembangunan, globalisasi

### ABSTRACT

*Economics education in Malaysian universities ought to address in a balanced manner three fundamental functions – career, scholarly, and the development of the mind. Market signals indicate that economics discipline per se has not been able to satisfy all the needs of the economics profession. It needs to be complemented with knowledge and skills from related disciplines, particularly business management and quantitative techniques. Nevertheless, economics should continue to be taught as a programme in universities to cater to the specific demand for knowledge and expertise in economics. A*

*balanced approach towards economics education necessitates a thorough review of its fundamental aims and the epistemology of economics. In this regard, the teaching of economics has to incorporate more local realities while simultaneously addressing the changing global economic scenario as well as the paradigm shifts affecting economic development philosophy. Some conventional economic theories might be inappropriate to explain local complexities and the on-going changes. Understanding these intricacies will help economics graduates to grasp the strengths and weaknesses of the methods of economics while advancing the understanding of Malaysian economic realities.*

**Key words:** *economics education, scholastic function, epistemology of economics, development paradigm shift, globalisation*

## PENGENALAN

Terdapat pandangan umum bahawa pendidikan universiti seharusnya memenuhi tiga fungsi asas: kesarjanaan, keperluan kerjaya dan pendedahan kepada idea. Di Malaysia, tuntutan mendesak untuk memenuhi keperluan tenaga kerja selari dengan pertumbuhan ekonomi dan proses perindustrian menjadikan fungsi kerjaya umumnya lebih dominan. Hal ini lebih ketara bagi pendidikan ekonomi (Chee 1991; Mohamad dan Osman 1991; Shahril 1991). Fungsi-fungsi lain itu memang tidak diabai tetapi umumnya kurang diberi penekanan (Chee dan Lee 1997) dan selagi ianya tidak bercanggahan dengan fungsi kerjaya.

Fungsi kerjaya pendidikan ekonomi berkait dengan penyediaan ilmu dan kemahiran yang umumnya boleh digunakan terus untuk tujuan pekerjaan. Justeru, dalam melaksanakan fungsi ini, pendidikan ekonomi lebih terpengaruh oleh pasaran – oleh permintaan daripada agensi-agensi awam dan swasta yang menggunakan kepakaran ekonomi. Ilmu dan kemahiran yang dianggap relevan akan didorong oleh pasaran dan kurang ditentukan oleh kepentingan akademik disiplin berkenaan. Ianya perlu bersifat praktikal dan secara terus boleh diaplikasikan dalam suasana pekerjaan yang sebenar.

Akhir-akhir ini, akibat perubahan dalam pasaran tenaga kerja dan perkembangan pesat bidang ilmu ekonomi dan bidang berkaitan, khususnya bidang pengurusan dan perniagaan, kerelevan pendidikan ekonomi untuk memenuhi fungsi kerjaya telah mula dipersoalkan. Kritikan tersebut umumnya tidak mempersoalkan kualiti ilmu asas ekonomi tetapi lebih tertumpu kepada kerelevan dan ketakcukupan ilmu dan kemahiran penggenap yang diperlukan oleh pengamal ilmu ekonomi.

Fungsi kesarjanaan dan pendedahan kepada idea merujuk kepada keupayaan program ekonomi untuk melahirkan siswazah yang berkeupayaan meneroka dan mengembangkan keilmuan melangkaui sempadan tradisi. Misalnya, keupayaan siswazah ekonomi dari segi menemu (*discover*) dan mengutarakan *theoretical*

*advancement* dalam pelbagai aspek ekonomi, yang merangkumi perspektif ekonomi tempatan dan dimensi baru seperti ekonomi Islam.

Rencana ini mengutarakan pandangan bahawa pendidikan ekonomi di universiti di Malaysia seharusnya berupaya mengimbangi ketiga-tiga fungsi asas pendidikan tinggi. Fungsi kerjaya pendidikan ekonomi seharusnya dikemaskini untuk mengambil kira peningkatan dalam kecanggihan pengurusan ekonomi dan kewangan, implikasi globalisasi dan teknologi komunikasi dan maklumat, serta perkembangan dalam paradigma pembangunan ekonomi. Bagaimanapun, fungsi tersebut tidak seharusnya dijadikan satu-satunya matlamat utama pendidikan ekonomi. Keperluan mengimbangi ketiga-tiga fungsi asas itu memerlukan bukan sahaja penyesuaian dalam program ekonomi tetapi juga merangkumi perubahan struktur program ekonomi dalam kaitannya dengan disiplin atau program lain di universiti.

### **PERMINTAAN TERHADAP PENDIDIKAN EKONOMI**

Pendidikan ekonomi universiti di Malaysia bermula dengan penubuhan Universiti Malaya di Singapura pada tahun 1949. Antara jabatan pertama ditubuhkan di bawah Fakulti Sastera ialah Jabatan Ekonomi. Jabatan ini menawarkan kursus-kursus ekonomi sebagai salah satu subjek pengkhususan untuk program sarjana muda sastera. Struktur akademik yang sama diguna pakai apabila Jabatan Ekonomi ditubuhkan di Universiti Malaya kampus Kuala Lumpur pada tahun 1959. Pada tahun 1962, apabila Universiti Malaya dipecahkan kepada dua universiti yang berasingan, Universiti Malaya mengambil alih kampus Kuala Lumpur dan bahagian di Singapura menjadi The University of Singapore. Jabatan Ekonomi Universiti Malaya terus kekal sebagai satu jabatan di Fakulti Sastera. Jabatan ini menawarkan kursus-kursus ekonomi umum untuk pelajar program sarjana muda sastera di samping kursus-kursus ekonomi sebagai satu atau salah satu subjek pengkhususan. Dua bidang pengkhususan yang ditawarkan waktu itu ialah ekonomi pembangunan luar bandar dan pentadbiran perniagaan yang merangkumi juga perakaunan (Chee 1991).

Pertumbuhan pesat bilangan pelajar mengikuti subjek pengkhususan ekonomi mendorong Universiti Malaya menubuhkan sebuah fakulti untuk menyediakan pendidikan ekonomi, pentadbiran awam, pentadbiran perniagaan, perakaunan dan subjek berkaitan yang mengarah kepada pengijazahan (FEA 1966). Pada tahun 1966, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran (FEA) ditubuhkan dan mula mengambil pelajar untuk ijazah sarjana muda ekonomi. Penubuhan FEA, Universiti Malaya dan penawaran program sarjana muda ekonomi menandakan titik permulaan pendidikan ekonomi yang bukan sekadar sebahagian daripada pendidikan sains sosial tetapi dibenarkan berkembang secara berasingan. Maka perkembangan seterusnya memperlihatkan pertambahan subjek-subjek sub-

bidang ekonomi yang ditawarkan oleh Universiti Malaya dan oleh universiti awam lain yang ditubuhkan sejak tahun 1970.

Sejak awal lagi pendidikan ekonomi universiti di Malaysia bertolak atas matlamat utama memenuhi fungsi kerjaya, iaitu untuk mengisi keperluan negara untuk tenaga kerja terlatih di peringkat pendidikan tinggi. Penubuhan FEA misalnya mempunyai matlamat “untuk membekalkan lulusan ijazah untuk kerja-kerja pengurusan dan pentadbiran serta untuk menyediakan asas untuk latihan kepakaran” (FEA 1966). Pada peringkat awal, keperluan kerja-kerja perancangan, pentadbiran dan pengurusan ekonomi sektor awam lebih diberi keutamaan. Maka, subjek-subjek seperti pentadbiran awam, pembangunan luar bandar dan ekonomi gunaan menjadi sebahagian utama pengkhususan dalam program ekonomi. Pembangunan ekonomi negara serta pengecilan sektor awam sejak pertengahan 1980-an mengubah sasaran pendidikan ekonomi kepada sektor swasta, iaitu untuk memenuhi keperluan pekerjaan yang berkehendakkan ilmu dan kemahiran ekonomi dan pengurusan. Justeru, program ekonomi mempelbagaikan sub-bidang pengkhususan untuk merangkumi subjek-subjek yang lebih berkaitan dengan aktiviti ekonomi sektor swasta. Dalam masa yang sama bidang pengurusan perniagaan dan perakaunan semakin menjadi pilihan.

Keperluan sektor swasta untuk lulusan ekonomi adalah pelbagai. Pelbagai sektor mungkin memberi isyarat yang berbeza dan mungkin bercanggahan antara satu sama lain terhadap jenis produk pendidikan ekonomi yang diperlukan. Tetapi sebagai satu disiplin yang mengagungkan sistem pasaran dan bertolak dengan premis keutamaan pengguna, pendidikan ekonomi seharusnya mengambil kira isyarat-isyarat tersebut. Memahami pasaran, mengeksplorasi faedah berbanding, membina *niche* untuk produk serta cukup fleksibel untuk menghadapi perubahan-perubahan corak ekonomi global adalah ciri-ciri utama yang harus ada pada pendidikan ekonomi sekiranya matlamat asasnya adalah untuk memenuhi fungsi kerjaya.

Memahami pasaran memerlukan sekurang-kurangnya penelitian tentang aspek keperluan atau kriteria permintaan. Terdapat beberapa kajian yang telah dibuat untuk mengenal pasti ciri-ciri yang harus ada pada lulusan ekonomi yang dikehendaki oleh sektor swasta. Antara kajian tersebut ialah Lin dan Awang (1991), Mohamad et al. (1997) dan Shyamala Nagaraj et al. (1991). Kajian Lin dan Awang berasaskan Tinjauan Pembangunan Tenaga Kerja Institusi Kewangan yang dibuat oleh Institute of Bankers Malaysia (IBBM) dan tinjauan Pendidikan Ekonomi yang dilaksanakan oleh Persatuan Pendidikan Ekonomi yang dilaksanakan oleh Persatuan Ekonomi Malaysia (PEM). Liputan tinjauan IBBM agak baik iaitu memperoleh respon sekitar 64 peratus daripada semua bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar di Malaysia. Tinjauan PEM digunakan untuk analisis ciri-ciri perlu untuk siswazah ekonomi. Respon tinjauan ini yang digunakan dalam analisis mereka terdiri daripada 43 institusi kewangan, dan oleh itu, merupakan pewakilan yang baik untuk sektor kewangan di Malaysia. Kajian Shyamala Nagaraj et al. (1991) adalah berasaskan dapatan daripada

tinjauan PEM yang lebih lengkap meliputi sektor pembuatan dan kewangan di sektor swasta serta sektor awam. Kajian Mohamad et. al (1997) adalah berasaskan respon 33 syarikat yang terdiri daripada sektor industri (18) kewangan (7) dan sektor lain (8) yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada 1992. Walaupun liputan kajian terdiri daripada pelbagai sektor ekonomi, tetapi memandangkan kadar berbalas yang agak kecil (sekitar 11 peratus), rumusan daripada kajian ini boleh diragui ketepatannya.

Penyelidikan-penyelidikan tersebut umumnya mengenal pasti dua kategori ilmu dan kemahiran yang dikehendaki daripada lulusan ekonomi. Dalam aspek ilmu dan kemahiran asas ekonomi, Mohamad et al. (1997) mendapati bahawa pengetahuan teori ekonomi dan institusi adalah penting. Walaupun begitu lebih penting lagi ialah keupayaan menterjemahkan pengetahuan itu untuk memahami isu-isu semasa ekonomi Malaysia adalah lebih diutamakan. Dalam kategori ilmu dan kemahiran penggenap, ciri yang lebih diutamakan ialah kebolehan berkomunikasi. Ini diikuti oleh keupayaan menganalisis, khususnya secara kritis dan kreatif, serta kemahiran kuantitatif. Lin dan Awang (1991), mendapati bahawa ciri-ciri yang diperlukan mengikut susunan keutamaan adalah seperti berikut: bidang pengkhususan, keupayaan menganalisis, kecemerlangan akademik, dan kemahiran komunikasi, terutama lisan dalam bahasa Inggeris. Lulusan ekonomi, oleh itu, dikehendaki memiliki keupayaan untuk menggunakan ilmu dan kemahiran ekonomi untuk menganalisis dan menyelidik isu-isu ekonomi serta membentangkannya secara berkesan. Kajian Lin dan Awang juga mendapati bahawa umumnya lulusan ekonomi universiti di Malaysia berupaya menguasai ilmu asas ekonomi tetapi masih kurang berupaya menguasai kemahiran yang diperlukan oleh seorang pengamal ilmu ekonomi. Kajian Shyamala Nagaraj et al. (1991) juga menunjukkan keputusan yang sama seperti Lin dan Awang.

Penemuan-penemuan itu menunjukkan memang wujud keperluan untuk lulusan universiti yang menguasai ilmu dan kemahiran ekonomi. Pendidikan ekonomi justeru mempunyai peranan untuk melahirkan tenaga kerja yang diperlukan oleh sektor swasta. Namun, penemuan itu juga menunjukkan bahawa ekonomi bukanlah satu disiplin kerjaya sepenuhnya. Ini kerana secara bersendirian disiplin ekonomi kurang berupaya menyediakan kesemua ilmu dan kemahiran yang perlu atau diutamakan, khususnya oleh sektor swasta. Lulusan pendidikan ekonomi mungkin cemerlang dalam teori ekonomi dan berpengetahuan luas dalam ekonomi Malaysia. Namun, mereka tidak akan diberi keutamaan sekiranya lemah dalam aspek kemahiran kuantitatif, kemahiran berkomunikasi atau kurang keupayaan menganalisis dan kurang kritis. Lulusan ekonomi perlu kemahiran penggenap; untuk memenuhi keperluan sektor swasta, pelajar yang mengikuti program ekonomi semestinya juga terdedah kepada subjek-subjek yang umumnya diperoleh daripada disiplin-disiplin lain.

Berkait dengan hal ini, persoalan mungkin timbul mengenai kedudukan ekonomi sebagai satu disiplin pengajaran di universiti. Mungkin ada yang berpandangan bahawa pendidikan di universiti, terutama di peringkat prasiswazah,

semestinya bersifat pelbagai disiplin. Matlamat memenuhi fungsi kerjaya seharusnya menumpu kepada mengeluarkan siswazah berciri umum yang memiliki ciri-ciri seperti berkemahiran kuantitatif, mahir berkomunikasi dan sebagainya yang diperlukan untuk kerjaya mereka. Dalam perkataan lain universiti hanya menawarkan satu program dan mengeluarkan satu ijazah, mungkin tanpa sebarang pengkhususan dalam disiplin-disiplin tertentu. Pandangan ini bagaimanapun tidak konsisten dengan penemuan-penemuan tadi. Keperluan kepada sesuatu ilmu dan kemahiran dalam disiplin tertentu kelihatan masih wujud, dan dalam konteks disiplin ekonomi, penguasaan teori-teori ekonomi serta kefahaman tentang isu-isu semasa di Malaysia masih diberi pilihan utama dalam sektor-sektor tertentu di negara ini. Lin dan Awang (1991) mehganggarkan lebih 60 peratus siswazah yang diterima bekerja di institusi kewangan adalah mereka daripada lulusan ekonomi atau bidang berkaitan ekonomi. Tinjauan Mohamad et al. (1997) juga mendapati bahawa memang terdapat eksekutif yang menjalankan kerja-kerja berkaitan ekonomi di syarikat-syarikat dalam hampir semua sektor yang tersenarai di BSKL. Anggaran mereka, walaupun boleh dipersoal ketepatannya, ialah sekitar 8.5 peratus eksekutif mendapat didikan formal dalam bidang ekonomi.

Oleh itu, memang terdapat permintaan untuk lulusan program ekonomi. Di satu pihak wujud keutamaan untuk lulusan ekonomi yang mengkhusus dalam subjek-subjek tertentu bergantung kepada jenis dan sektor pekerjaan. Manakala di pihak yang lain lulusan ekonomi juga perlu mempunyai ilmu dan kemahiran penggenap yang mungkin hanya diperoleh di luar disiplin ekonomi. Universiti di Malaysia harus respon terhadap petunjuk pasaran tersebut. Satu cara ialah dengan mewujudkan sub-disiplin pengkhususan ekonomi yang terkini untuk mencerminkan keperluan semasa pasaran. Dengan melaksanakan langkah ini universiti sebenarnya bertindak membezakan produk. Walaupun begitu langkah ini mempunyai beberapa kelemahan. Pertama, langkah ini agak sukar dilaksanakan. Universiti umumnya menghadapi kesukaran untuk mengubah sesuatu program dalam masa yang singkat. Ini kerana pengubahsuaian program melibatkan kakitangan baru atau latihan semula kakitangan yang memerlukan kos yang tinggi dan masa yang agak lama. Kedua, petunjuk pasaran mungkin bersifat jangka pendek. Justeru sesuatu sub-bidang pengkhususan yang memenuhi keperluan semasa kini mungkin ketinggalan apabila ianya terlaksana dan menghasilkan siswazah beberapa tahun kemudian. Jadi strategi yang terlalu mengutamakan pengkhususan bukanlah yang terbaik kecualiah universiti dapat menjangkakan dengan tepat keperluan pasaran.

Untuk membolehkan ilmu dan kemahiran pelengkap lebih mudah diterapkan, sesuatu program itu seharusnya lebih fleksibel dengan membenarkan kewujudan program-program gabungan dan major-minor seperti yang dilaksanakan di beberapa universiti di luar negara. Program ekonomi perlu mempunyai sedikit unsur pengkhususan. Tetapi dalam masa yang sama program itu juga harus terbuka kepada subjek-subjek daripada disiplin lain. Dua kaedah boleh diguna

pakai untuk memenuhi matlamat ini. Pertama, program gabungan yang melibatkan program ekonomi yang membenarkan pengkhususan dalam bidang lain, atau sebaliknya, dan kedua, program major-minor yang mana para pelajar yang mengambil program ekonomi dibenarkan mengambil sejumlah kursus yang secukupnya dalam bidang lain. Dengan pendekatan ini, para pelajar bebas untuk memilih program berasaskan satu disiplin atau gabungan disiplin sesuai dengan persepsi mereka tentang permintaan pasaran dan matlamat masa depan pendidikan mereka.

Seperkara lagi yang timbul sebagai implikasi penemuan-penemuan keperluan permintaan sektor swasta ialah kesesuaian kurikulum pengajaran ekonomi di universiti. Adalah jelas daripada penemuan itu bahawa untuk tujuan kerjaya, pengajaran ekonomi seharusnya memberi tumpuan kepada aspek praktikal teori ekonomi, khususnya yang berkaitan dengan isu-isu penting ekonomi Malaysia. Ini adalah untuk membolehkan lulusan ekonomi memahami ekonomi Malaysia dengan berkeupayaan menganalisis isu-isu sernas.

Usaha ke arah itu kelihatan mudah tetapi sebenarnya amat sukar dilaksanakan di universiti di Malaysia. Beberapa sebab menyumbang kepada kerumitan tersebut. Pertama, kesemua teori berpunca daripada pengamatan terhadap apa yang berlaku di negara lain yang sistem ekonominya berlainan daripada yang berlaku di Malaysia. Perbezaan struktur dan institusi serta amalan di negara ini menjadikan sebahagian teori ekonomi kurang relevan dengan suasana di negara ini. Penggunaan buku teks dan rujukan daripada luar negara menyukarkan lagi usaha menerapkan aplikasi teori kepada penyelesaian isu-isu semasa yang berlaku di negara ini. Kedua, terlalu banyak teori dan sifat ‘boleh dicabar’ teori-teori ekonomi. Pilihan tentang apakah teori yang sesuai dan patut diberi tumpuan serta sehingga sampai ke tahap manakah ianya harus dibincangkan adalah perkara yang sering didebatkan dalam proses penentuan silibus di universiti. Ketiga, penyelidikan komprehensif dan mendalam tentang ekonomi Malaysia rata-rata masih kurang, dan jika ada pun, rumusannya belum tertulis dalam bentuk yang sesuai untuk pengajaran terutama di peringkat prasiswazah. Kekurangan ini menghindar pengajaran teori ekonomi daripada menggunakan ekonomi Malaysia sebagai rujukan aplikasi.

## MATLAMAT PENDIDIKAN EKONOMI: KEMBALI KEPADA ASAS

Disiplin ekonomi relevan kepada pendidikan universiti di Malaysia. Bidang ini mempunyai peranan kerjaya, walaupun tidak boleh dianggap sepenuhnya. Himpunan ilmu – idea, konsep teori dan kaedah serta tradisi keilmuan – jelas menunjukkan bahawa bidang ini juga mempunyai peranan untuk meneruskan fungsi kesarjanaan dan pendedahan idea dalam pendidikan universiti di negara ini. Persoalannya, bagaimanakah pengajaran ekonomi di universiti di Malaysia boleh meningkatkan keberkesanannya untuk mengembangkan tradisi

keilmuan (fungsi kesarjanaan) serta berfungsi memerdekaikan minda (fungsi pendedahan idea) dan dalam masa yang sama, berupaya menyediakan ilmu dan kemahiran untuk tujuan kerjaya? Berikut ialah perbincangan tentang beberapa aspek yang dijangka relevan kepada persoalan tersebut.

Pada kurun ke-19 di England dan di Eropah yang mana ilmu ekonomi mula bertapak, ilmu ini tidak dianggap sebagai satu disiplin yang tersendiri tetapi dianggap relevan dan lebih afdal dipelajari secara berintegrasi dengan disiplin lain. Ekonomi, atau lebih tepat lagi ekonomi politik, dilihat sebagai sebahagian daripada kajian sains moral dan hanya bermanfaat jika dilihat dalam perspektif menyelesaikan persoalan-persoalan dasar. Pada waktu itu, masyarakat umum tidak berminat kepada semata-mata teori kecualilah untuk menjawab isu-isu dasar yang wujud waktu itu (Chakravarty 1986). Tetapi sejak setengah abad yang lepas disiplin ekonomi telah menonjol keluar daripada kepompong sains moral dan mengarah kepada hampir menyerupai sains fizikal. Mengikut Chakravarty (1986), disiplin ekonomi telah menjadi satu disiplin yang hanya memerlukan matematik sebagai bahasa, statistik sebagai kaedah pengabsahan dan sejarah sekadar satu kemungkinan ilustrasi. Dalam masa yang sama ekonomi telah menjadi satu disiplin yang bermartabat, yang bagi kebanyakan mereka yang bergelar ahli ekonomi, disiplin ini dianggap boleh berdiri sendiri tanpa perlu merujuk kepada disiplin-disiplin lain.

Pendidikan ekonomi di kebanyakan universiti di Malaysia umumnya didominasi oleh mereka yang terdedah kepada disiplin ekonomi sebagai satu sains. Maka, idea bahawa disiplin ekonomi boleh menjawab sebarang persoalan ekonomi secara saintifik mendominasi pemikiran ekonomi di Malaysia dan seterusnya mewarnai pengajaran ekonomi di universiti di negara ini. Akibatnya, kita dapat melihat bahawa program ekonomi di Malaysia rata-rata merangkumi pengajaran subjek-subjek matematik, statistik dan ekonometrik serta teori-teori ekonomi dalam kelas neo-klasik. Subjek yang mengutarakan pendekatan dan teori alternatif tidak banyak dan umumnya ditawarkan hanyalah sebagai kursus elektif.

Justeru, pendidikan ekonomi di universiti di Malaysia menuju kepada ilmu ekonomi saintifik atau ekonomi positif. Malah, mungkin oleh kerana terlalu kuat penekanan terhadap aspek saintifik ini, para pelajar melupai bahawa ekonomi adalah sains gelagat, bahawa disiplin ekonomi mengkaji tentang gelagat manusia dari segi pilihan penggunaan dan pengeluaran, dan bahawa keputusan ekonomi adalah berkaitan dengan nilai dan moral sesebuah masyarakat, iaitu aspek ekonomi normatif.

Memang tidak dinafikan bahawa pendedahan kepada ilmu ekonomi sebagai sains berupaya mencapai matlamatnya. Hal ini lebih ketara jika matlamat tersebut tertumpu kepada memenuhi tuntutan kerjaya dan kesarjanaan. Ilmu ekonomi yang didedahkan kepada pelajar adalah arus perdana dan merupakan penghasilan daripada evolusi idea secara semulajadi. Tetapi persoalan yang relevan dalam konteks pendidikan ekonomi ialah apakah ianya mencukupi. Persoalan ini mencakup aspek epistemologi.

Apakah yang seharusnya diketahui apabila mempelajari ekonomi? Meminjam pandangan Adam Smith, ekonomi ialah berkenaan penerokaan terhadap sebab-sebab kekayaan negara (*wealth of nations*). Ekonomi ialah kajian untuk memahami perjalanan sesebuah ekonomi, atau dalam konteks yang lebih luas, satu kajian terhadap alat-alat dan konsep yang sesuai untuk lebih memahami organisasi dan kehidupan ekonomi di sesebuah masyarakat atau negara, iaitu Malaysia untuk kes kita.

Dilihat daripada perspektif itu adalah penting kepada pengajaran ekonomi di Malaysia untuk memberi penekanan kepada unsur-unsur struktur, institusi dan nilai-nilai moral termasuk perspektif Islam dalam pengurusan ekonomi di negara ini. Unsur-unsur tersebut tidak memadai tetapi seharusnya diterapkan dalam pengajaran teori-teori ekonomi. Kita tahu bahawa teori ekonomi adalah abstrak dan kebanyakannya bertolak daripada premis nilai dan dalam kerangka institusi negara maju. Teori harga neo-klasik, analisis keseimbangan, pasaran persaingan sempurna, maklumat simitri, dan teori penentuan pendapatan ekonomi tertutup adalah sekadar contoh perkara yang tidak memberi gambaran tentang realiti di negara ini; malah, teori-teori itu sebahagiannya mungkin tidak boleh diaplikasikan dalam konteks negara ini.

Kelemahan itu bagaimanapun tidak bererti pengajaran ekonomi seharusnya mengabaikan teori-teori ekonomi konvensional yang sedia ada; kecualilah jika ahli-ahli ekonomi negara ini berupaya menghasilkan teori-teori baru berdasarkan premis kita sendiri. Tetapi apa yang ditekankan ialah aspek-aspek batasan teori serta kemungkinan implikasi apabila ianya diaplikasikan dalam konteks realiti negara ini. Dengan berbuat begini, pengajar ekonomi melaksanakan dua peranan: menonjolkan kelemahan dan kekuatan teori ekonomi di samping melengkapkan pelajar dengan kefahaman tentang ekonomi Malaysia.

## GLOBALISASI, PARADIGMA PEMBANGUNAN DAN PENDIDIKAN EKONOMI

Dalam meneliti semula haluan pendidikan ilmu ekonomi di Malaysia, beberapa tren utama dalam evolusi corak ekonomi dan haluan global pendidikan dan pengajaran ekonomi perlu diambil kira. Pertama, arus globalisasi atau integrasi ekonomi ekoran dari jayanya siri rundingan GATT (General Agreement on Tariff and Trade) dan tertubuhnya *World Trade Organization* (WTO) pada tahun 1995 yang mendokong liberalisasi perdagangan, perkhidmatan dan pelaburan. Kedua, berkait dengan evolusi paradigma terbaru yang bergelar pembangunan lestari. Ketiga, berkait dengan hubungan simbiosis antara disiplin ekonomi dengan pengurusan perniagaan.

Tren yang pertama telah menerbitkan pelbagai isu ekonomi yang tidak ada duluannya. Implikasi globalisasi terpenting ialah dari segi daya saing ekonomi negara, kesan aliran perdagangan dan modal yang lebih bebas, luas dan pantas

ditambah dengan meningkatnya kepentingan inovasi teknologi atau faktor pengetahuan dalam proses ekonomi. Ini menjadi lebih nyata dengan ledakan teknologi komunikasi dan maklumat. Oleh kerana ekonomi Malaysia bersifat terbuka, maka kesan globalisasi ini adalah langsung dan ketara. Kita telah menyaksikan bagaimana Malaysia dilanda kegawatan ekonomi pada 1997-98 kesan langsung dari globalisasi dan liberalisasi dalam sektor kewangan yang mana negara ini sama ada di peringkat makro atau mikro (firma) ternyata kurang bersedia dengan instrumen dasar berbentuk pencegahan atau instrumen pengurusan risiko. Seiring dengan globalisasi ialah kemunculan berbagai-bagai herotan bukan tarif yang boleh memberi kesan kepada daya saing perdagangan dan pelaburan sebagaimana kesan tarif dan dasar-dasar perlindungan sektoral. Antaranya termasuklah isu alam sekitar, misalnya, kepenggunaan hijau, pelabelan eko, pencemaran lintas perbatasan negara; isu kesihatan dan perdagangan; dan isu tenaga buruh serta kadar upah minima.

Tren kedua, pembangunan lestari, banyak dipengaruhi oleh pengalaman pembangunan di negara-negara maju. Pembangunan lestari dertiakan sebagai pembangunan yang menumpu kepada keseimbangan di antara dimensi ekonomi, sosial, dan alam sekitar, yang mampu memenuhi keperluan generasi semasa dan akan datang. Secara umumnya, paradigma pembangunan di negara-negara maju bermula dengan fokus pertumbuhan ekonomi dan diikuti oleh matlamat sosial apabila pertumbuhan ekonomi gagal menyelesaikan pelbagai masalah ketakseimbangan ekuiti. Objektif sosial, misalnya pembasmian kemiskinan, diberikan wajaran yang sama dengan fokus ekonomi. Kini, pembangunan ekonomi memberi perhatian serius terhadap kualiti alam sekitar. Berbeda dengan paradigma pembangunan terdahulu, pembangunan ekonomi kini hanya dianggap sebagai satu subset kepada pembangunan manusia keseluruhan. Ciri penting dalam konteks pertumbuhan ekonomi lestari ialah kecekapan ekonomi. Ini bermaksud memaksimumkan aliran output ekonomi daripada sumber-sumber yang ada tanpa mengurangi stok sumber (dengan mengambil kira kebolehgantian antara sumber) tersebut serta dapat mengoptimumkan kesan negatif terhadap kualiti alam sekitar dan memelihara kesejahteraan sosial bagi generasi semasa dan akan datang. Ini sebenarnya adalah pemakaian atas teori ekonomi sumber yang tidak begitu menonjol dalam realiti perancangan pembangunan ekonomi sebelum ini.

Daripada idea pembangunan lestari, kepentingan hubungkait antara ekonomi dengan sumber alam sekitar semakin ketara. Presripsi dasar ekonomi konvensional kurang mengambil kira hubungkait antara dasar dan kualiti alam sekitar. Banyak degradasi alam sekitar pada masa lepas dikatakan disebabkan aktiviti ekonomi, tetapi pada hakikatnya ia berpunca daripada kegagalan disiplin ekonomi itu sendiri untuk mengambil kira nilai faedah dan kos sosial keseluruhan yang merangkumi impak alam sekitar dalam merancang program pembangunan ekonomi. Penerapan idea dan pemakaian model pembangunan lestari kini menjadi cabaran baru dalam konteks penilaian semula pendidikan dan pengajaran disiplin ekonomi di universiti.

Isu ketiga, hubungan simbiosis antara disiplin ekonomi dan pengurusan perniagaan. Perbezaan matlamat dan pendekatan kedua disiplin ini adalah jelas dan telah lama diterima oleh pengamal ekonomi dan perniagaan. Walau bagaimanapun, keduanya amat bersepadan dan saling memerlukan. Sebagaimana yang telah dibincangkan terdahulu, kekurangan dari segi penguasaan salah satu sub-disiplin yang relevan membuat pengamal disiplin berkenaan pincang atau tidak lengkap terutamanya dari segi fungsi kerjaya. Akhir-akhir ini kita telah menyaksikan penurunan permintaan pelajar terhadap program-program ekonomi penuh di institusi pengajian tinggi awam atau swasta berbanding dengan disiplin perniagaan. Keadaan ini boleh meruncing sekiranya pilihan pelajar terutama pilihan pertama dijadikan satu-satunya asas untuk kemasukan ke program ekonomi atau pengurusan perniagaan. Misalnya, kajian Mansor dan Mohamad Aslam (2000) mendapati hanya tiga peratus daripada responden pelajar di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) memilih program ekonomi sebagai pilihan pertama berbanding dengan pengurusan perniagaan (40 peratus) dan perakaunan (44 peratus). Namun, ini bukan unik untuk Malaysia atau negara-negara membangun lain, tetapi satu fenomena biasa yang turut dialami oleh negara-negara maju. Misalnya, Amerika Syarikat telah menyaksikan penurunan sebanyak 30 peratus dalam penganugerahan ijazah dalam bidang ekonomi bagi tempoh 1991/92 – 94/95 (Siegfried 1999). Hampir kesemua program ekonomi sama ada pra-siswazah atau pasca-siswazah di institusi pengajian tinggi swasta dan awam di negara tersebut menghadapi persaingan sengit dengan program perniagaan. Apa yang menarik ialah hakikat terdapat banyaknya komponen kursus yang berdasarkan ilmu ekonomi yang diperlukan oleh program perniagaan, demikian juga sebaliknya. Malahan daya tarikan sesuatu program perniagaan banyak dipengaruhi oleh komposisi kursus yang berdasarkan ekonomi (Gregorowicz dan Hegji 1998).

Di Malaysia, persepsi majikan bahawa graduan yang memiliki latar belakang yang baik dalam kedua-dua disiplin ekonomi dan perniagaan nyata lebih penting untuk keputusan pengambilan kakitangan baru berbanding dengan mereka yang mempunyai latarbelakang pengurusan perniagaan atau ekonomi sahaja (Mohammad 2000). Ini selaras dengan ciri simbiosis sifat ilmu ekonomi dan perniagaan. Aspek simbiosis ini amat penting diambil kira dalam menentukan program ekonomi yang berdaya maju dan mampu berfungsi secara berkesan dari segi objektif kerjaya.

### **APA YANG HARUS DIAJAR?**

Struktur program ekonomi di universiti di Malaysia pada umumnya masih bersifat konvensional, tidak banyak berbeza daripada format yang diikuti oleh para pengajar sewaktu mereka menerima didikan di negara-negara Barat (kebiasaannya) beberapa dekad yang lalu. Ini tidak menghairankan kerana

pengajar selalunya dipengaruhi oleh pengalaman pembelajaran mereka khususnya di peringkat pasca-siswazah. Juga pada umumnya, program ekonomi di universiti di Malaysia mempunyai struktur yang seragam, di mana di peringkat permulaan tumpuan diberikan kepada kursus-kursus pengenalan ekonomi (mikroekonomi dan makroekonomi) dan asas pemakaian ilmu matematik/statistik dalam analisis ekonomi, diikuti oleh kursus-kursus ekonomi teoretikal lanjutan, dan diakhiri dengan kursus lanjutan untuk memberikan kefahaman mendalam dalam sub-bidang pengkhususan tertentu seperti ekonomi buruh, ekonomi alam sekitar, ekonomi pembangunan, ekonomi pertanian dan sebagainya. Kursus-kursus umum yang berkait dengan aspek ketamadunan, pemikiran kreatif, dan bahasa juga menjadi sebahagian dari kurikulum pengajian ekonomi di universiti tempatan.

Dengan mengambil kira perubahan dalam corak ekonomi domestik dan global serta kepentingan kesimbangan di antara objektif keperluan pasaran, kesarjanaan dan pendedahan kepada idea ekonomi, kita mencadangkan program ekonomi di universiti di Malaysia khususnya di peringkat pra-siswazah mengambil kira enam komponen utama; (1) teori ekonomi asas termasuk ekonomi Malaysia; (2) teknik kuantitatif dan kemahiran pengkomputeran; (3) kursus-kursus perniagaan; (4) kursus-kursus pengkhususan; (5) kursus-kursus yang berkait dengan intrikasi globalisasi, kecanggihan pasaran kewangan domestik dan antarabangsa, dan keberkaitan ekonomi-alam sekitar; dan (6) kursus-kursus umum dan bahasa.

Apa yang baru dalam cadangan di atas ialah item (3) dan (5). Perkara (3) cuba menjawab realiti hubungan simbiosis antara ilmu ekonomi dan perniagaan yang tidak dapat dielakkan. Misalnya, kursus-kursus seperti asas perakaunan, asas pengurusan dan pemasaran sewajarnya wajib dikuasai oleh semua pelajar ekonomi. Kursus-kursus kemahiran pengkomputeran (item 2) pula sejajar dengan kepentingan teknologi komunikasi dan maklumat dalam proses ekonomi. Banyak universiti di Amerika Syarikat telah mewajibkan kursus sains komputer diambil oleh pelajar jurusan ekonomi. Manakala perkara (5) cuba menjawab permasalahan berkait dengan intrikasi globalisasi, kecanggihan pasaran kewangan, dan implikasi pembangunan ekonomi lestari. Satu anjakan dalam paradigma pendidikan dan pengajaran ekonomi harus diambil dalam konteks ini. Setakat ini tidak diketahui adanya universiti tempatan yang menawarkan serta mewajibkan kepada pelajar ekonomi kursus-kursus yang berkait dengan intrikasi globalisasi, kompleksiti pasaran kewangan antarabangsa, dan hubungkait alam sekitar dengan ekonomi (Jadual 1). Kursus-kursus sedia ada yang mempunyai kaitan, misalnya, institusi kewangan, kewangan atau perdagangan antarabangsa, dan ekonomi pembangunan wajar diubahsuai untuk mengambil kira intrikasi globalisasi dan analisis dasar ekonomi yang mengambil kira komponen dan impak alam sekitar.

Kepentingan perkara (5) telah mendorong beberapa usaha di peringkat antarabangsa untuk menganjurkan satu pendekatan pendidikan ekonomi baru yang diberi nama *sustainomics*, yang menumpu kepada pengurusan kelestarian perniagaan dan ekonomi (*sustainable business and economics management*).

JADUAL 1. Kursus asas wajib program ekonomi bagi IPTA di Malaysia 1999/2000

Kursus Asas Wajib	UKM	UM	UPM	UUM	UIA
<b>Kursus Teori Ekonomi Asas</b>					
Prinsip Ekonomi				✓	
Mikroekonomi	✓	✓	✓	✓	✓
Makroekonomi	✓	✓	✓	✓	✓
<b>Kursus Kuantitatif</b>					
Matematik	✓	✓	✓	✓	✓
Statistik	✓	✓	✓	✓	✓
Ekonometrik			✓	✓	✓
<b>Kursus Ekonomi Lain</b>					
Ekonomi Pembangunan	✓	✓			
Pengantar Ekonomi Antarabangsa	✓				
Ekonomi Malaysia	✓		✓		✓
Pemikiran Ekonomi			✓	✓	✓
Ekonomi Islam			✓	✓	✓
<b>Kursus Perniagaan</b>					
Perakaunan	✓	✓		✓	✓
Pengantar Pentadbiran Perniagaan	✓			✓	✓
<b>Kursus Lain</b>					
Kaedah Penyelidikan			✓	✓	
Sistem Maklumat dan Organisasi			✓	✓	✓
Pengantar Politik dan Pentadbiran	✓				
<b>Kertas Ilmiah</b>					
	✓	✓	✓	✓	✓

Sumber: Buku Panduan Program Pelbagai Universiti

Namun, belum ada tanda-tanda bahawa universiti di negara kita telah secara serius berusaha memperkenalkan falsafah dan pendekatan ini dalam pendidikan dan pengajaran mata pelajaran ekonomi. Penekanan kepada aspek hubungkait antara ekonomi dengan alam sekitar bermakna ekonomi normatif, atau lebih spesifik, ekonomi kebijakan gunaan, perlu diberikan wajaran yang sama penting dengan subjek-subjek ekonomi lain yang menggunakan pendekatan ekonomi positif.

Di peringkat pengajian pasca-siswazah, prinsip yang sama di atas harus dipakai. Walau bagaimanapun, memandangkan matlamat program ini yang menjurus kepada penguasaan disiplin ekonomi yang lebih tinggi dan khusus kepada perkara (3) kurang ketara berbanding dengan program pra-siswazah. Kebanyakan program pasca-siswazah khususnya program yang memerlukan

kerja kursus mensyaratkan pelajar mengambil kursus teras teori ekonomi dan teknik kuantitatif serta kursus-kursus pengkhususan. Belum ada program pasca-siswazah setakat ini yang mewajibkan pelajarnya mengambil kursus daripada item (5) di atas.

Objektif kesarjanaan dan pendedahan kepada idea ekonomi menuntut perubahan perspektif pendidikan dan pengajaran ilmu ekonomi itu sendiri. Proses pendidikan, pengajaran dan pembelajaran wajar memfokus kepada aspek penjanaan daya analisis pelajar, yakni pembinaan kapasiti intelek pelajar serta sinergi dan pengintegrasian ilmu, bukannya kemahiran vokasional, bilangan jam pengajaran atau pengotakan ilmu ekonomi. Penelitian literatur juga mendapati pengajar sering menyampaikan ilmu ekonomi dengan cara ‘lebih pasti’ daripada sifat ilmu itu sendiri. Dengan ini, pengajar kurang memfokus kepada pengajaran atau ‘pendidikan’ kaedah ekonomi, sebaliknya menumpu kepada preskripsi atau jawaban dasar (policy answers). Dalam realiti, kita tidak mengetahui preskripsi dasar sebenarnya kerana dunia ekonomi penuh dengan ketakpastian. Justeru, ilmu ekonomi harus dilihat sebagai satu kaedah bukan satu set doktrin – “*economics.. as an engine of analysis, not as a set of principles*” (Colander 1999). Ia adalah satu alat analitikal atau kaedah berfikir yang membantu pengamalnya memperoleh rumusan yang tepat.

## KESIMPULAN

Pendidikan ekonomi universiti di Malaysia wajar mengutamakan keseimbangan objektif kerjaya, kesarjanaan dan fungsi meliberalisasi minda. Petunjuk pasaran serta tren permintaan pelajar terhadap program ekonomi dan perniagaan memberi gambaran bahawa program ekonomi kurang berupaya memenuhi kesemua keperluan kerjaya dan perlu dilengkappkan dengan ilmu dan kemahiran daripada disiplin lain, khususnya teknik kuantitatif dan kursus-kursus perniagaan. Namun, ekonomi harus dikekalkan sebagai satu program di universiti memandangkan wujud keperluan khusus untuk ilmu dan kemahiran dalam analisis ekonomi. Justeru, ketiga-tiga fungsi asas pendidikan ekonomi perlu diimbangi, dan untuk itu ia memerlukan penelitian semula matlamat asas, epistemologi ilmu ekonomi dan perubahan dari segi struktur ekonomi global dan paradigma pembangunan sejagat. Program ekonomi di universiti di Malaysia khususnya di peringkat prasiswazah sewajarnya mengambil kira enam komponen utama: (1) teori ekonomi asas, (2) teknik kuantitatif; (3) kursus-kursus perniagaan; (4) kursus-kursus pengkhususan; (5) kursus-kursus yang berkait dengan intrikasi globalisasi, kecanggihan pasaran kewangan, dan keberkaitan ekonomi-alam sekitar; dan (6) kursus-kursus umum dan bahasa. Cadangan (3) menggambarkan pengiktirafan terhadap hakikat hubungan simbiosis di antara disiplin ekonomi dengan perniagaan manakala cadangan (5) mencerminkan kepentingan peranan ekonomi normatif atau kebijakan seiring dengan peranan ekonomi positif dalam senario

globalisasi dan anjakan falsafah pembangunan. Teori ekonomi konvensional antaranya mungkin tidak sesuai dalam konteks struktur dan institusi setempat serta perubahan paradigma pembangunan. Pendedahannya dalam konteks tersebut menyerlahkan keterbatasan teori serta kaedah pengaplikasiannya. Dengan perspektif ini lulusan ekonomi akan berupaya menghayati ilmu ekonomi sebagai satu kaedah bukan satu set doktrin serta memahami kekuatan dan kelemahan kaedah ekonomi dalam menganalisis permasalahan ekonomi Malaysia.

#### RUJUKAN

- Chakravarty, S. 1986. The Teaching of Economics in India. *Economic and Political Weekly* 21 (27): 1165-68.
- Chee, Stephen. 1991. Philosophy and Objectives of Undergraduate Economics Programmes: The University of Malaya Approach. *Malaysian Journal of Economic Studies* 28 (142): 33-42.
- Colander, D. 1999. Teaching Keynes in the 21<sup>st</sup> Century. *Journal of Economic Education* Fall: 364-371.
- Faculty of Economics and Administration (FEA). 1966. Report of the Board of Studies Approved by Senate. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Gregorowicz, P., dan Hegji, C.E. 1998. Economics in the MBA Curriculum: Some Preliminary Survey Results. *Journal of Economic Education*. Winter 1998 issue: 81-87.
- H. Osman Rani. 1997. Universiti dan Kemampuannya untuk Memenuhi Keperluan dan Prioriti Yang Berubah. Dalam A. Majid Salleh et al. *Pascasidang Seminar Kebangsaan Program Ekonomi di Universiti: Satu Penilaian Semula*. Kuala Lumpur: Fakulti Ekonomi, UKM & Persatuan Ekonomi Malaysia.
- Idris Jajri, Pazim Osman, Kwek Kian Teng & Noor Azira. 1997. Requirements of Economics Graduates by the Public Sector – A Survey. Dalam A. Majid Salleh et. al. *Pascasidang Seminar Kebangsaan Program Ekonomi di Universiti: Satu Penilaian Semula*. Kuala Lumpur: Fakulti Ekonomi, UKM & Persatuan Ekonomi Malaysia.
- Lin See Yan & Awang Adek Hussin. 1991. Graduates in Economics and Related Disciplines: Recent Experiences and the Needs of the Financial Sector – A User Perspective. *Malaysian Journal of Economic Studies* 28 (142): 63-74.
- Mansor Ibrahim & Mohamed Aslam Heneef. 2000. The End of the Bachelor of Economics? An Analysis of An Economics Program at the International Islamic University of Malaysia. Dlm. Rahmah Ismail & Faridah Shahadan (ed.). *Pancasidang Seminar Kebangsaan Pendidikan Ekonomi di Persimpangan Jalan*. Bangi: Fakulti Ekonomi, UKM.
- Mohamad Alias & H. Osman Rani. 1991. The UKM Approach. Kertas dibentangkan di seminar “National Seminar on Economic Education: The Quality of Made-In-Malaysia Economists”, Kuala Lumpur.
- Mohamad Alias, A. Majid Salleh, Mansor Jusoh & A. Hassan Shaari. 1997. Keperluan Siswazah Ekonomi oleh Sektor Swasta – Satu Tinjauan. Dalam A. Majid Salleh et al. *Pascasidang Seminar Kebangsaan Program Ekonomi di Universiti: Satu Penilaian Semula*. Kuala Lumpur: Fakulti Ekonomi, UKM & Persatuan Ekonomi Malaysia.
- Mohamad Alias, Norghani Md. Nor & Jamal Othman. 2000. Keperluan Siswazah Ekonomi oleh Sektor Swasta. Dlm. Rahmah Ismail & Faridah Shahadan (ed.). *Pancasidang*

- Seminar Kebangsaan Pendidikan Ekonomi di Persimpangan Jalan.* Bangi: Fakulti Ekonomi, UKM.
- Shyamala Nagaraj, Lee Kiong Hock & Koh Kim Leng. 1991. Economics Graduates in the Workplace: A Survey. *Malaysian Journal of Economic Studies* 28 (142): 87-113.
- Shahril A. Karim. 1991. Teaching of Economics in Malaysia. Paper presented at the National Seminar on "Economic Education: The Quality of Made-In-Malaysia Economists", Kuala Lumpur.
- Siegfried, J.J. 1999. Trends in Undergraduate Economics Degrees, 1997-1998. *Journal of Economic Education* 30 (3): 325-28.

Profesor Madya Dr. Mansor Jusoh  
Dekan  
Fakulti Ekonomi  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia

Profesor Madya Dr. Jamal Othman  
Penyelaras Program Siswazah  
Fakulti Ekonomi  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia